

Wahid Razzaly dilantik Naib Canselor UTHM

BATU PAHAT 12 Mac - Setelah di-beri kepercayaan menjalankan tugas sebagai Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sejak 16 Oktober tahun lalu, Prof. Dr. Wahid Razzaly dilantik ke jawatan itu berkuat kuasa 3 Mac lalu.

Pelantikan bekas Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UTHM itu bagi tempoh tiga tahun hingga 2 Mac 2020 diumumkan Menteri Pendidikan

Tinggi, Datuk Seri Idris Ju-soh setelah mendapat perkenan Canselor UTHM, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar.

Bahagian Perhubungan Awam UTHM memaklumkan, pelantikan Wahid sebagai Naib Canselor juga dilakukan selaras dengan Seksyen 12(1) Perlembagaan Universiti.

"Beliau menggantikan Naib Canselor sebelum ini, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin yang tamat tempoh pelantikannya pada

15 Oktober tahun lalu," katanya dalam satu kenyataan, di sini.

Wahid, 58, anak kelahiran Selangor pernah memegang jawatan

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Dekan Pusat Pembangunan Akademik dan Dekan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional universiti berkenaan.

Beliau menamatkan pengajian ijazah sarjana muda dalam bidang Kejuruteraan Awam daripada University of Swansea, United King-

dom (UK) dan melanjutkan pen- gajian dalam Ikhtisas Pendidikan Diploma Pendidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Beliau kemudiannya melanjut- kan pengajian Sarjana Kejuruter- aan Lebuhraya dan Pengangkutan di UTM sebelum menyambung pengajian di peringkat doktor falsafah dalam Pendidikan Keju- rутeraan Jarak Jauh di The Uni- versity of Manchester, UK.

"Beliau mempunyai pengala-

man lebih 25 tahun dalam pembe- lajaran dan pengajaran bidang kejuruteraan awam serta pendi- dikan teknik dan vokasional.

"Sebelum berkhidmat di UTHM, beliau bertugas di Po- liteknik Ungku Omar, Politeknik Port Dickson dan Bahagian Pe- ngurusan Politeknik dan Kolej Komuniti selama 17 tahun seba- gai pensyarah dan Timbalan Pe- ngarah," demikian menurut ken- yataan tersebut.



WAHID RAZZALY.